

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B TUAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : DALAM TEMPOH BERSIDANG

SOALAN : Y.B TUAN KOK WAI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kemajuan yang dicapai setakat ini di bawah Pelan Pemulihan Nasional untuk mewujudkan keharmonian kaum dan toleransi agama (*National Reconciliation Plan*) di negeri ini.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Sehingga kini, Pelan Pemulihan Nasional masih belum lagi wujud dalam seperti yang dilontar oleh YB Cheras.

Bagi mengukuhkan lagi usaha-usaha ke arah menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum di Negara ini, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional (*National Unity Consultative Council – NUCC*) pada September 2013 yang menjadi platform untuk membincangkan isu-isu yang boleh menjejaskan perpaduan nasional dan mencari jalan penyelesaian yang konklusif dan komprehensif.

Badan ini juga bertanggungjawab dalam menyediakan Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang kini dalam tindakan penambahbaikan di peringkat akhir.

Badan ini jua telah memberi tumpuan kepada beberapa bidang sebagai panduan menjalankan tugas-tugasnya. Bidang – bidang yang telah ditentukan ialah:

- i. Perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara;
- ii. Membina bangsa dan persefahaman silang budaya;
- iii. Pembangunan inklusif;
- iv. Belia dan perpaduan; dan